

**HURAIAN LOGO
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-34, TAHUN 2018**



منجايان و اوسن نكارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 Februari 2018

Logo membawa terdiri dari pelbagai elemen yang menjadikan sekuntum bunga simpur yang mekar. Pelbagai elemen membawa maksud setiap agen (sumber manusia, sumber alam dan sistem pentadbiran) berperanan mengisi agenda pembangunan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035;

	<p>Logo ini diilhamkan dari bunga simpur yang mempunyai 7 kelopak di dalam membawa maksud 7 puak melayu Brunei, bersatu berperanan menjayakan wawasan Negara. Dua simpulan menghala keluar memberi maksud rakyat dan penduduk yang hidup di bumi Darussalam sama-sama menjayakan wawasan.</p>
	<p>Bunga simpur ini dikelilingi oleh bulatan yang menggambarkan kepentingan negara berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara lain. Logo ini juga menampakkan kepentingan identiti bangsa dipertahankan dalam arus cabaran sejagat.</p>
	<p>Panji-panji di tengah dan di atas logo, dijulang tinggi oleh kelopak bunga dan bintang, menandakan bahawa agenda pembangunan negara berteraskan falsafah Negara Melayu Islam Beraja. Survival bangsa dan negara bergantung kepada rakyat dan penduduk yang bersatupadu Menjayakan Wawasan Negara.</p>
	<p>Pengembelangan dua kelopak bermaksud bertalian yang kukuh dalam agenda pembangunan Negara, pertalian ini termasuk antara Raja dan Rakyat, Kerajaan dan Swasta, Pemimpin dan Orang Ramai, Generasi Muda dan Tua, Guru dan Pelajar; dan sebagainya. Kepentingan ilmu dan kemahiran dalam mencapai wawasan Negara adalah penting. Begitu juga dengan pertalian Iman dan Amal dalam mengharungi kehidupan.</p>
	<p>Bintang berpaksi 13 di dalam bunga simpur bermaksud 13 strategi dalam mencapai wawasan Negara. Bintang dalam bunga berkenaan membawa maksud bahawa Wawasan Negara 2035, insya Allah menjadikan masa hadapan generasi pewaris yang cemerlang dan berdayatahan.</p>
	<p>Angka 34 dalam tulisan rumi dan jawi bermakna negara sudah 34 menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.</p>